

Garisi pilihan jawapan yang paling tepat.

1 Kanak-kanak itu berlari__untuk mendapatkan ibunya.
(terhegeh-hegeh/terkedek-kedek)

2 Sampan yang tertambat pada tunggul kayu itu_____dipukul ombak.
(tercapik-capik/terolang-aling)

3 Peserta lumba lari itu berjalan_____selepas kakinya tersadung pada akar pokok.
(terincut-incut/terhuyung-hayang)

4 Azri kelihatan_____untuk mencapai dahan pokok itu ketika mahu menyelamatkan rakannya yang lemas itu.
(tertarik-tarik/terkapai-kapai)

5 Setelah menamatkan larian maraton, Siva kelihatan_____dan penat amat.
(terhugap-hugap/terhendap-hendap)

6 Beberapa orang remaja di kawasan itu bercadang untuk membersihkan sampah sarap yang_____di permulaan sungai itu.
(terkinjak-kinjak/terjumbul-jumbul)

7 Cat pada bangunan lama itu kelihatan_____kerana tidak tahan panas.
(luntur/lejang)

8 Ibu membuang mangkuk seramik yang_____itu kerana dapat mengakibatkan kecederaan.
(lancip/sumbing)

9 Pakaian yang___itu digunakan oleh Pak Ali ketika pergi ke kebun getah.
(usang/lusuh)

10 Langsir rumah Puan Jaya kelihatan_____kerana masih belum berjahit pada bahagian bawah.
(singkat/labuh)

11 Mi goreng yang disediakan ibu semalam sudah_____.
(busuk/basi)

12 Badan Faedah berbau_____selepas menamatkan latihan bola jaring di sekolahnya.
(hanyir/hamis)

13 Maklumat yang diperoleh _____ laman sesawang perlu diperiksa kesahihannya sebelum disebarkan kepada orang lain.
(dari/daripada)

14 Sepasang baju kebaya dibelikan oleh Aisyah _____ ibunya di kampung.
(bagi/untuk)

15 Punca pendapatan Pak Shahir bergantung _____ hasil laut yang ditangkapnya pada setiap hari.
(kepada/pada)

16 Tindakan undang-undang akan diambil _____ orang ramai yang tidak mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan(PKP).
(kepada/terhadap)

17 Kita haruslah berbelanja secara berhemat _____ tidak berlaku kesempitan wang pada hujung bulan.
(untuk/supaya)

18 Dengan ini dimaklumkan _____ Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) fasa kedua telah bermula pada 1 April 2020 secara rasminya.
(yang/bahawa)

19 Mak Kiah _____ baju abang yang koyak dengan secebis kain yang berwarna hijau.
(menjahit/menampal)

20 Beberapa ekor angsa kelihatan _____ makanan di dalam bekas itu.
(menyudu/memagut)

21 Ibu _____ bawang cina itu untuk membuat jemput-jemput.
(mencancang/memayang)

22 Kontraktor itu _____ cat pada dinding rumah sebelum menampal lubang-lubang dengan simen.
(mengikir/mengikis)

23 Gadis yang comel itu _____ senyuman yang manis apabila melihat Cikgu Azizi.
(melakar/mengukir)

24 Puan Hamidun tidak _____ kenyataan bahawa masalah itu berpunca daripada kelalaian pihak pengurusan pejabat.
(menyangga/menyangkal)

25 Lee____tanah setelah menanam tin-tin dan tayar terpakai di lubang itu.
(mengorek/menimbus)